



**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH** memakaikan pingat kepada Cheong Jun Hoong dalam Istiadat Penganugerahan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar semalam.

## Jun Hoong dikurnia AMP

**KUALA KANGSAR 12 Nov.** - Pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016, Cheong Jun Hoong gembira kerana kejayaannya terus diiktiraf apabila dikurniakan Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP) sempena Hari Keputeraan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Istana Iskandariah, di sini hari ini.

Menurut atlet terjun negara berusia 26 tahun itu, anugerah kali ini bakal memberikannya motivasi untuk lebih berjaya dalam kariernya.

"Ini merupakan darjah kebesaran kedua yang dikurniakan kepada saya selepas Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2012 namun saya hanya dapat menghadiri Istiadat Penganugerahan pada tahun berikutnya.

"Anugerah kali ini memberikan semangat untuk saya mencatat keputusan yang baik

dalam pertandingan pada masa akan datang untuk negara dan negeri Perak," katanya.

Jun Hoong berkata demikian ketika ditemui selepas Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran di Istana Iskandariah di sini hari ini.

Jun Hoong merupakan antara 300 penerima darjah kebesaran daripada Sultan Nazrin dalam Istiadat Penganugerahan hari ini.

Sementara itu, esok bakal berlangsung Larian Hari Keputeraan di Dataran Pavillion di sini yang dijangka disertai 5,000 peserta dalam dan luar negara.

Pemenang pingat Sukan Paralimpik Rio 2016 negara, iaitu Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly dan Siti Noor Radiah Ismail dijangka hadir memeriahkan acara itu.